

Bimbang trafik sesak susulan penutupan Jalan Loke Yew mulai Isnin hingga Oktober tahun depan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Pihak berkuasa lebuhraya digesa agar menyegerakan pembukaan Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) yang melalui kawasan Parlimen Seputeh.

Gesaan itu dibuat Ahli Parlimennya, Teresa Kok ketika ditemui pemberita yang berkumpul bersama penduduk Taman Desa di sepanjang SPE di sini.

Beliau turut memberitahu telah menghadiri mesyuarat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Jumaat lalu dan dimaklumkan Jalan Loke Yew akan ditutup secara berperingkat mulai Isnin hingga Oktober tahun depan untuk kerja-kerja pembinaan.

"Saya beritahu mereka kalau nak tutup jalan penting, sekurang-kurangnya buka SPE.

"Tetapi mereka menjawab, rancangannya hanya dibuka pada pertengahan November," katanya.

Tambah Teresa, pada Ogos lalu beliau turut melawat pelbagai tapak bersama syarikat konsepsi projek SPE, Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn Bhd.

"Saya juga sudah menulis



Teresa (dua dari kanan) berkongsi gambar menerusi Facebooknya ketika membuat tinjauan di SPE pada Ogos lalu.

surat kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu bahawa syarikat konsesi telah memaklumkan bahawa projek SPE telah siap pada 21 Mei 2023.

"Namun, sehingga kini lebuhraya itu masih belum dibuka.

"Saya tidak berpuas hati dan bimbang dengan keadaan lalu lintas esok (Isnin) apabila jalan raya (Jalan Loke Yew) ditutup," ujarnya.

Lebuhraya sepanjang 29.8 kilometer itu menghubungkan Pintu Gerbang Taman Melati dan Klang dari Jalan Lingkaran

“Saya juga sudah menulis surat kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu bahawa syarikat konsesi telah memaklumkan bahawa projek SPE telah siap pada 21 Mei 2023.”

- Teresa Kok

Tengah Kuala Lumpur 2 (MRR2) ke Kerinchi Link dari utara ke selatan Kuala Lumpur dan merentasi kawasan seperti Universiti Tunku Abdul Rahman, Wangsa Maju, Setiawangsa, Ampang, koridor pembangunan Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia, serta Kerinchi.

Pada Jumaat, DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa penutupan jalan dan lengungan lalu lintas akan dilakukan bagi memudahkan pembinaan jambatan di Bulatan Loke Yew, Jalan Sungai Besi menghala ke Sungai Besi/Petaling Jaya.

Ahli Parlimen Seputeh gesa buka SPE